

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

13. Terangkan secara terperinci tentang aktiviti lombongan pasir di sepanjang Sungai Junjong yang melibatkan runtuh tebing sungai di bahagian Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).
- (a) Nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan ke atas pengusaha-pengusaha lombong pasir tersebut?
  - (b) Jelaskan *Standard Of Procedure* (SOP) untuk memberi kebenaran mengambil pasir kepada pengusaha.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Terdapat dua (2) operator yang menjalankan operasi pengeluaran pasir sungai bagi kerja-kerja mendalam dan membaik pulih Sungai Junjong. Operator tersebut adalah Koperasi Usahawan Pulau Pinang (KUBTEN) yang dilantik oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP) dan Syarikat Pembinaan MASH yang dilantik oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang. Kedua-dua operator ini telah diluluskan Permit 4B oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Aktiviti yang dirujuk merupakan Projek Mendalam Dan Membaiki Sungai Junjong yang telah dilancarkan pada 21 Ogos 2017 oleh Kerajaan Negeri melalui JPS dan kontraktor tersebut dilantik untuk kerja-kerja tersebut, iaitu Syarikat Pembinaan MASH telah disyaratkan untuk mendapatkan Permit Pengeluaran Bahan Batuan (Permit 4B) di bawah Kanun Tanah Negara 1965 bagi

membolehkan pasir sungai yang dikeluarkan tersebut dikenakan royalti dan menjadi hasil kepada Kerajaan Negeri.

Oleh kerana sempadan daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT) sebahagian besarnya berada dalam Sungai Junjong, Syarikat Pembinaan MASH telah mengemukakan Permohonan Permit 4B kepada kedua-dua PDTSPS dan PDTSPT bersama Pelan Aras dan Butiran yang disediakan oleh Jurukur Berlesen bagi menunjukkan sempadan sebenar di tapak selain menganggarkan kuantiti bahan batuan yang bakal dikeluarkan sepanjang kerja-kerja dijalankan.

- (a) Kedua-dua PDTSPS dan PDTSPT telah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Selatan (JPSSPS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah (JPSSPT) bagi memantau kerja-kerja di tapak. Sepanjang pemantauan yang dilakukan, didapati keadaan tebing sungai di bahagian SPT telah berlaku banyak runtuhan dan sedikit runtuhan di bahagian SPS, di mana runtuhan tebing yang berlaku di kawasan pengorekan dan pengambilan pasir terbabit adalah di bawah kerja-kerja yang dijalankan oleh KUBTEN yang telah diluluskan Permit 4B mulai 2 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018. Pihak KUBTEN telah diarahkan oleh PDTSPT untuk menghentikan operasi pengeluaran pasir sungai dengan serta merta mulai 16 Mac 2018 bagi memulihkan jajaran tebing Sungai Machang Bubok yang telah runtuh. Pihak KUBTEN juga diminta untuk mematuhi semua terma-terma yang disyaratkan seperti kelulusan Permit 4B. Manakala JPS telah mengarahkan Syarikat Pembinaan MASH untuk hanya mengorek bagi tujuan mengelakkan banjir sahaja di mana pasir korekan diletakkan di tebing dan *berm* sungai. Pemantauan berterusan tetap dilaksanakan oleh jabatan-jabatan tersebut.

- (b) Pengeluaran pasir oleh mana-mana orang atau badan adalah tertakluk kepada Permit Pengeluaran Bahan Batuan di bawah Bahagian Empat, Kanun Tanah Negara 1965, di mana *Standard Operation Procedure* (SOP) terlibat adalah

seperti berikut:

- (i) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan Permit Pengeluaran Bahan Batuan berserta wang proses kepada Pentadbir Tanah yang berkaitan;
- (ii) Penyediaan laporan daripada agensi teknikal berkaitan yang menyatakan syarat-syarat dan spesifikasi yang ditetapkan;
- (iii) Permohonan diangkat kepada Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) untuk pertimbangan, selanjutnya keputusan JKTN diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN);
- (iv) Kelulusan Permit 4B/4C dimaklumkan kepada pemohon di mana pemohon dikehendaki membayar sejumlah deposit yang ditentukan oleh PBN, fi pendudukan (sekiranya melibatkan tanah Kerajaan) yang dikira berdasarkan keluasan dan kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang, serta bayaran royalti yang ditentukan berdasarkan kuantiti bahan batuan yang dikeluarkan dengan kadar yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang; dan
- (v) Sekiranya terdapat isu pelanggaran syarat dan ketidakpatuhan syarat dan spesifikasi yang ditetapkan oleh agensi teknikal, Pentadbir Tanah mengesyorkan untuk mengambil tindakan menggantung Permit 4B dan kerja-kerja di tapak atau operator ditamatkan operasi di tapak.